

Hampir RM1 juta ubat disyaki tiruan dirampas

13 September 2019 7:53 PM

KUCHING 13 Sept. - Sebuah premis memproses ubat-ubatan disyaki tiruan yang dipercayai diseludup dari negara China berjaya dibongkar Batalion 11 Pasukan Gerakan Am (PGA), Kuching dalam 'Op Libas' yang dijalankan ke atas sebuah rumah di Jalan Stutong Stampin Baru, di sini, semalam.

Ketika serbuan yang dilakukan pada pukul 4 petang itu, PGA merampas kesemua ubat-ubatan di premis berkenaan yang dianggar bernilai RM957,812.

Kesemua suspek terbabit telah diserahkan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuching untuk tindakan lanjut manakala barang rampasan diserahkan kepada Kementerian Kesihatan untuk siasatan mengikut Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952

Pegawai Pemerintah Batalion 11 PGA Kuching, Superintenden Rosdi Inai berkata, barang pemprosesan ubat-ubatan berkenaan yang dipercayai tiada kelulusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dirampas manakala seorang lelaki berumur 42 tahun dipercayai penjaga premis tersebut turut ditahan.

"Beliau gagal menunjukkan sebarang dokumen dan kebenaran memproses ubat berkenaan.

"Berdasarkan maklumat yang diperolehi, barangan ini dipercayai diproses di premis tersebut dan ianya akan dipasarkan di pasaran tempatan," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini. - BERNAMA